

Bahan Buangan

video 
[Downloads\Sam
pah sarap
meningkat 1,200
tan ketika
Aidilfitri.mp4](Downloads\Sam_pah sarap_meningkat 1,200_tan ketika Aidilfitri.mp4)

- Bahan buangan ialah bahan yang tidak diperlukan lagi dan tidak mahu disimpan
 - Bahan buangan terdiri daripada bahan buangan organik dan bahan buangan bukan organik
-
- Bahan buangan organik - sisa makanan,kertas (asal tumbuhan dan haiwan)
 - Bahan buangan bukan organik - kaca, tin, beg plastik (bahan yang dicipta oleh manusia)

Plastik


Terdiri daripada bahan sintetik.






Logam




Kaca



Kertas



Sisa makanan




Sisa toksik

- Berasal daripada bahan kimia, bahan buangan industri dan sisa pertanian.
- Botol aerosol, cecair pembasmi, serangga perosak, cecair bateri, asap kenderaan



Tong yang
tertulis toksik



Akumulator



Botol racun
serangga

Bahan kumuh dan tinja



Praktis pengukuhan

- Apakah yang dimaksudkan dengan bahan buangan?
- Nyatakan jenis bahan buangan yang telah dipelajari.
- Terangkan penggunaan beg plastik secara berleluasa.

Terbiodegrasi

- Bahan buangan yang boleh direputkan oleh mikroorganisma.
- Proses penguraian
- Bahan buangan terbiodegrasikan ini akan mereput dan bertukar menjadi nutrien dan akan kembali ke dalam tanah.
- Contohnya, sisa makanan, kertas, bahan kumuh
- Biasanya mereput dan digunakan sebagai baja.



Kesan bahan buangan terbiodegrasikan

- Bahan buangan yang mereput akan menghasilkan bau yang busuk.
- Keadaan persekitaran yang berbau busuk akan mewujudkan keadaan yang tidak selesa.
- Pereputan bahan buangan terbiodegrasikan akan melibatkan penggunaan oksigen.
- Jika berlaku di dalam air, hidupan akuatik akan mengalami kekurangan oksigen.
- Menghasilkan bahan beracun sekiranya meresap ke dalam punca air bersih.


Tidak Terbiodegrasi

- Bahan buangan yang tidak reput.
 - Contohnya: kaca, logam, plastik, kaca, sisa toksik.
 - Jumlah bahan tidak terbiodegrasikan semakin meningkat kerana tidak diuruskan dengan baik.
- Terangkan kesan penggunaan beg plastik secara berleluasa?

Hargai bumi kita

- Nyatakan kesan pembuangan bahan buangan tidak terbiodegrasikan kepada alam sekitar.
- Apakah kesan pembuangan bahan buangan tidak terbiodegrasikan kepada kesihatan manusia?

Gambar




Amalan Pengurusan Bahan Buangan

- Nyatakan bagaimana cara melupuskan bahan buangan sisa makanan
- Nyatakan 3 cara untuk melupuskan bahan buangan tidak terbiodegrasikan.
- Nyatakan pengurusan bahan buangan yang perlu diamalkan.
- Berikan contoh bahan buangan yang boleh diuruskan secara terancang.

3 R


- R-Reduce
 - Mengurangkan penggunaan bahan buangan seperti beg plastik
- R-Reuse
 - Guna semula atau pelbagaikan penggunaan bahan buangan.
- R-Recycle
 - Kitar semula bahan buangan menjadi produk yang baharu





Pengurusan bahan buangan secara terancang

- Bahan buangan yang dibawa ke pusat pelupusan sampah akan diasingkan mengikut jenisnya, iaitu boleh dikitar semula dan tidak boleh dikitar semula.
- Bahan buangan yang tidak boleh dikitar semula akan dibakar di dalam insinerator bersuhu tinggi.
- Bahan buangan yang dikitar semula akan dipadatkan untuk di hantar ke kilang pemprosesan bahan buangan untuk dijadikan bahan baharu.



Langkah-langkah lain mengawal pembuangan bahan buangan

- Menggalakkan orang ramai menaiki pengangkutan awam.
- Menggunakan petrol tanpa plumbum.
- Membina kilang jauh daripada kawasan penempatan.
- Membakar sampah di tempat yang tertutup.
- Menggunakan kawalan biologi.